

Melayu pantang berundur – Najib

UM - 14/1/2006

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 13 Nov. – Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan UMNO tidak akan sesekali berundur dalam perjuangan membela nasib orang Melayu sehingga matlamat mengangkat martabat dan agenda bangsa tercapai sepenuhnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, agenda Melayu adalah satu gagasan besar yang melibatkan pelan tindakan untuk menjadikan orang Melayu hebat dalam pendidikan, sosial dan ekonomi serta mampu muncul sebagai bangsa terbilang di pentas dunia.

Beliau berkata, UMNO tidak mahu melihat bangsa Melayu tertinggal di belakang terutama ketika Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

“UMNO benar-benar serius dalam melunaskan aspirasi agenda Melayu dan tidak akan sesekali berundur sehingga matlamat itu tercapai.

“Sebabnya, kita tidak mahu bila muncul sinar mentari pagi pada 1 Januari 2020 nanti, bangsa Melayu berdemons-trasi di Putrajaya, meraung di seluruh negara agar jangan diumumkan Malaysia sebagai negara maju lantaran bang-

sa Melayu masih belum maju lagi,” kata Najib.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Dalam ucapan yang bertemakan ‘Memacu Minda Melayu’ itu, Najib berkata, perjuangan UMNO membela agenda pendidikan Melayu merangkumi segenap segi adalah suatu perjuangan jangka panjang dalam mewujudkan modal insan berminda kelas pertama.

Dalam usaha itu, katanya, peruntukan RM3 bilion telah diluluskan ekoran cadangan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu supaya Universiti Teknologi Mara (UiTM) menambah bilangan pelajarinya kepada 200,000 orang menjelang 2010 berbanding 100,000 yang ada hari ini.

“Kalau dahulu kita bekerja keras untuk mewujudkan peluang-peluang pendidikan secara meluas, sekarang ini perjuangan kita adalah untuk memastikan pendidikan yang diberikan berkualiti dari segi prasarana, alat pembelajaran dan guru-guru yang mengajar,” katanya.

Beliau berkata, melalui guru-guru ber-

kualiti, kedudukan sekolah sama ada di bandar, luar bandar atau kawasan yang jauh di pedalaman tetap mampu menjayakan matlamat melahirkan pelajar yang cemerlang.

Malah, katanya, penubuhan 12 kumpulan utama dalam pelbagai bidang bagi merangka inisiatif khas agenda Melayu dalam bidang ekonomi termasuk membentuk Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) bagi memperkasakan ekonomi orang Melayu bandar juga adalah rentetan suara perhimpunan UMNO tahun lalu.

Bumiputera

Timbalan Perdana Menteri berkata, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dengan modal awal RM2 bilion pula dibentuk bagi memastikan pegangan hartanah yang tidak dapat dibeli oleh orang Melayu dapat diperoleh melalui dana secara berkumpulan.

Beliau menjelaskan, yaysan itu ditubuhkan ekoran daripada statistik Unit Perancang Ekonomi tahun 2005 bahawa pemilikan bangunan dan premis komersial bumiputera di negara ini hanya pada

kadar 11.7 peratus berbanding kaum Cina sebanyak 71 peratus.

“Jelasnya, agenda Melayu akan terus diperkasa dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Apa juga yang perlu untuk kemajuan Melayu, kita akan perjuangkan agar ia segera dilaksanakan dan segera dibina.

“Mustahaknya, amanah keramat itu jangan diselewengkan, jangan ditiriskan dan jangan sesekali diabaikan,” tegas beliau sambil meminta pegawai dan kakitangan kerajaan terus mengekalkan kecemerlangan dalam menjalankan tanggungjawab mengukuhkan agenda Melayu.

Beliau berkata, jentera pelaksana mestilah terus berdedikasi dalam pekerjaan, kurangkan kerenah birokrasi, gandakan kerjasama dengan pihak swasta dan memberi perkhidmatan melampaui kebiasaan demi mencapai kejayaan.

Najib turut meminta supaya pimpinan UMNO di semua peringkat menjadi mata dan telinga dalam menjayakan agenda Melayu.

Katanya: “Pimpinan parti di semua peringkat hendaklah menjadi mata yang tidak buta, telinga yang tidak tuli dan mulut yang tidak bisu untuk membina maruah bangsa.”